



## **GARIS PANDUAN UNTUK PERTIMBANGAN PEMBERIAN BANTUAN KHAS**



**LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## 1. TUJUAN

- 1.1. Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi keterangan dan penjelasan mengenai syarat-syarat kelayakan dan prosedur permohonan kepada pihak-pihak yang ingin memohon peruntukan Bantuan Khas *SMARTSTART* bagi melaksanakan program Kursus Praperkahwinan *SMARTSTART* yang dianjurkan bersama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

## 2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

### 2.1. Pihak yang layak diberi pertimbangan adalah seperti berikut:-

- a. Pertubuhan dan Badan Agama yang ditubuhkan secara rasmi, berdaftar dengan Pendaftar Syarikat (ROC), Pendaftar Pertubuhan (ROS) dan diiktiraf oleh kerajaan dengan dasar dan kuasa undang-undang yang berkaitan bagi melaksanakan sesuatu program yang mempunyai kepentingan kebajikan dan kemasyarakatan;
- b. Pertubuhan dan Badan Agama yang mampu mendapatkan peserta kursus iaitu pasangan yang akan berkahwin dan mereka yang baru berkahwin ( < 5 tahun);
- c. Pertubuhan dan Badan Agama yang tidak berorientasikan keuntungan (*non-profit making*);

### 2.2. Pihak yang tidak layak diberi pertimbangan adalah seperti berikut:-

- a. Tidak berdaftar dengan mana-mana Pendaftar yang diiktiraf atau mana-mana badan kerajaan yang diberi kuasa melalui undang-undang negara;
- b. Entiti yang berdaftar yang mementingkan keuntungan (*profit-oriented*);
- c. Tidak diluluskan oleh Perlembagaan masing-masing untuk bergerak dalam bidang yang sama di bawah *jurisdiction*

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM);

- d. Pertubuhan politik dan orang perseorangan; dan
- e. Telah dibatalkan pendaftaran oleh Pendaftar Pertubuhan/ Syarikat.

**2.3. Program yang layak dipertimbangkan adalah bagi Kursus Praperkahwinan *SMARTSTART* sahaja, tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-**

- a. Kursus adalah selaras dengan objektif Program *SMARTSTART* yang ditetapkan oleh LPPKN;
- b. Tempoh kursus selama 2 hari. Kandungan kursus hendaklah mengikuti garis paduan yang telah ditetapkan oleh LPPKN.
- c. Peserta kursus terdiri daripada 25 pasangan yang akan berkahwin atau pasangan yang baru berkahwin ( < 5 tahun).
- d. Setiap Pertubuhan atau Badan Agama akan diberi peruntukan sebanyak RM 7,000.00 (Ringgit : Tujuh Ribu Sahaja) bagi Semenanjung Malaysia dan RM 8,000.00 bagi Sabah, Sarawak dan Labuan untuk setiap kursus setelah ditolak RM 1,000.00 (Ringgit : Satu Ribu Sahaja) oleh LPPKN bagi kos pakej *SMARTSTART* (Beg, Buku Kerja, Pen, Buku Nota dan Buku *SMARTSTART*). Pertubuhan atau Badan Agama yang melaksanakan program *SMARTSTART* boleh mendapat semula kos pakej *SMARTSTART* sebanyak RM 1,000.00 melalui yuran pendaftaran peserta (25 pasangan X RM 40.00).
- e. Pertubuhan atau Badan Agama boleh mengutip yuran pendaftaran sebanyak RM 50.00 daripada setiap pasangan yang menghadiri kursus.
- f. Pertubuhan atau Badan Agama perlu mempunyai satu akaun bank atas nama Pertubuhan atau Badan Agama sendiri.

- g. Penceramah atau Fasilitator yang dijemput untuk mengendalikan Kursus Praperkahwinan *SMARTSTART* hendaklah dilantik oleh LPPKN dan telah mengikuti Latihan Jurulatih Kursus Praperkahwinan *SMARTSTART* anjuran LPPKN atau penceramah jemputan yang bertauliah.
- h. Program yang dikendalikan hendaklah tidak bertentangan dengan Perlembagaan dan tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan permasalahan dan menggugat ketenteraman negara;
- i. Program baru akan hanya dipertimbangkan setelah laporan kemajuan dan penilaian program diterima oleh Jawatankuasa Pemantauan dan Pelaksanaan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

**2.4. Permohonan yang tidak layak dipertimbangkan adalah seperti berikut:-**

- a. Peserta kursus terdiri daripada pasangan yang tiada rancangan untuk berkahwin atau telah berkahwin lebih daripada 5 tahun;
- b. Pembelian harta modal/aset seperti bangunan, kenderaan, komputer, mesin jahit, dapur, oven pembakar kuih, dan seumpamanya;
- c. Bantuan modal/pinjaman bagi tujuan memulakan perniagaan;
- d. Program yang bermotifkan keuntungan (profit oriented) untuk Pertubuhan;
- e. Program yang telah bermula atau pun dilaksanakan sebelum permohonan dikemukakan;
- f. Bayaran gaji, elaun, potongan KWSP dan SOCSO untuk kakitangan Persatuan/Pertubuhan secara tetap dan berterusan;
- g. Program yang melibatkan penajaan biasiswa/dermasiswa untuk peserta-peserta yang menghadiri kursus jangka panjang yang membolehkan seseorang mendapat diploma

atau ijazah atau apa-apa jenis bantuan berbentuk wang tunai/derma kepada golongan ibu tunggal/wanita yang kurang bernasib baik/anak yatim dan sebagainya;

- h. Program berbentuk lawatan samada di dalam atau di luar negara;
- i. Program yang boleh menimbulkan isu perkauman yang sensitif; dan
- j. Program yang melibatkan perbelanjaan bermewah contohnya mengadakan kursus di hotel-hotel yang mewah yang jauh daripada tempat tinggal peserta.
- k. Percetakan semula Modul Latihan Jurulatih dan Buku Kerja Kursus Praperkahwinan *SMARTSTART* tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah LPPKN.

### 3. PROSEDUR PERMOHONAN

3.1. Pertubuhan dan Badan Agama yang ingin memohon bantuan ini hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

- a. Semua permohonan bantuan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Bantuan Khas *SMARTSTART* seperti di **Lampiran A**;
- b. Permohonan hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 90 hari sebelum tarikh pelaksanaan program;
- c. Permohonan hendaklah disertakan dengan sesalinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan yang berkenaan serta Perlembagaan atau *Memorandum of Articles*. Senarai lengkap dokumen yang diperlukan adalah seperti di **Lampiran B**;
- d. Borang Permohonan Bantuan Khas *SMARTSTART* yang lengkap antara lain hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut:-
  - i. Bilangan kursus, tarikh, tempat, nama fasilitator dan bilangan peserta kursus yang akan hadir;

- ii. Anggaran keperluan kewangan dan kos secara terperinci bagi setiap program yang dicadangkan;
- e. Bagi Pertubuhan dan Badan Agama yang pernah menerima bantuan daripada LPPKN, sila nyatakan tarikh menerima bantuan;
- f. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan;
- g. Borang Permohonan Bantuan Khas *SMARTSTART* hendaklah dikemukakan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris ; dan
- h. Apabila Pertubuhan atau Badan Agama dimaklum bahawa permohonan diperakukan, Surat Setuju Terima seperti Lampiran C perlu ditandatangani dan hendaklah dikembalikan kepada LPPKN dalam tempoh 10 hari dari tarikh surat perakuan dikeluarkan.

#### **4. PROSEDUR SELEPAS PERMOHONAN DILULUSKAN**

- a. Satu surat perjanjian akan dimeterai di antara LPPKN dengan Pertubuhan atau Badan Agama yang menerima bantuan selepas permohonan diluluskan;
- b. Surat perjanjian (dalam 2 salinan asal) yang telah ditandatangani hendaklah 'dimati stem' oleh Pertubuhan atau Badan Agama yang menerima bantuan. Satu salinan dikembalikan kepada LPPKN dan satu salinan disimpan oleh penerima bantuan. Kos 'mati stem' surat perjanjian akan ditanggung oleh Pertubuhan atau Badan Agama berkenaan;
- c. Cek bantuan akan diserahkan kepada Pertubuhan atau Badan Agama setelah satu salinan surat perjanjian yang telah 'dimati stem' dikembalikan kepada LPPKN.
- d. Pemantauan akan dibuat oleh pegawai LPPKN dari masa ke semasa.

## **5. PENGIKTIRAFAN KEPADA KERAJAAN**

Program Kursus Praperkahwinan yang dibiayai melalui Bantuan ini sewajarnya memberikan pengiktirafan kepada Kerajaan dengan menyatakan di tempat yang sesuai, bahawa program berkenaan adalah anjuran bersama dengan LPPKN dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**SURAT SETUJU TERIMA  
PERUNTUKAN BANTUAN KHAS *SMARTSTART***

Bahawasanya, kami dengan ini mengesahkan bahawa, Pertubuhan ..... (No. Pertubuhan : .....) yang berdaftar di bawah Akta ..... dan mempunyai alamat berdaftar di .....  
..... **bersetuju/tidak bersetuju untuk menerima pemberian peruntukan** daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara berjumlah RM ..... bagi melaksanakan Kursus Praperkahwinan *SMARTSTART* dengan mematuhi syarat-syarat berikut :

- (a) akan menandatangani satu Perjanjian bertulis dengan Kerajaan Malaysia;
- (b) akan mengemukakan Laporan Pelaksanaan Program dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas program itu bermula.
- (c) akan menggunakan sepenuhnya peruntukan yang diluluskan bagi pelaksanaan program tersebut di atas bagi maksud-maksud berikut :

<b>Bil</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tempat</b>	<b>Bahasa</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1.				
2.				
3.				

- (d) akan melaksanakan program tersebut mengikut jadual yang disertakan bermula pada ..... dan berakhir pada ..... dengan mematuhi garis panduan Bantuan Khas *SMARTSTART* yang disediakan oleh LPPKN;
- (e) akan menanggung apa-apa kenaikan kos berkaitan program ini, jika berlaku;
- (f) akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala liabiliti, tuntutan pihak ketiga, kerosakan harta benda dan kecederaan orang akibat daripada kecuaiian atau kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan peraturan berkaitan program ini;
- (g) akan membenarkan pegawai-pegawai Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara membuat pemeriksaan dan auditan terhadap pelaksanaan program atau penggunaan peruntukan yang berkenaan; dan

(h) sebarang pindaan atau perubahan kepada persetujuan ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak.

Dengan ini, kami yang bertandatangan di bawah bagi pihak Pertubuhan amat memahami dan mengakui bahawa kegagalan mematuhi ketetapan-ketetapan di atas dan lain-lain syarat tambahan adalah merupakan suatu pelanggaran syarat kepada pemberian peruntukan yang diberikan ini. Maka dengan ini, pihak Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara berhak untuk menarik balik kelulusan dan peruntukan yang dikeluarkan kepada kami dan akan dikembalikan kepada pihak Kerajaan.

(Nama : .....)

(Nama : .....)

No. Kad Pengenalan : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Jawatan : Pengerusi dan Cop Rasminya

Jawatan : Setiausaha dan Cop Rasminya

Tarikh : .....

Tarikh : .....